

Kegiatan seludup diesel berulang tumpas

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
 pengarang@utusan.com.my

■ BUKIT KAYU HITAM 25 JULAI

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis mematahkan kegiatan penyeludupan diesel berulang susulan penahanan sebuah kenderaan yang diubah suai di Jalan Padang Besar, Perlis semalam.

Dalam kejadian pada pukul 12.15 tengah hari itu, pemeriksaan terhadap sebuah kenderaan pacuan empat roda (4x4) jenis Mitsubishi Pajero di sebuah stesen minyak itu mendapati kenderaan tersebut memiliki lima buah tangki besi tambahan yang dijadikan tempat penyimpanan bahan api.

Lebih mengejutkan, semakan rekod mendapati kenderaan sama pernah ditahan Februari lalu atas kesalahan serupa dan telah dikenakan kompaun.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Perlis Mohamad Amir Abdullah berkata, kereta itu mampu memuatkan hampir 1,200 liter diesel atau petrol pada satu-satu masa setelah mengubah suai bahagian dalam dan bawahnya.

"Hasil pemeriksaan dalam operasi itu mendapati terdapat kira-kira 200 liter diesel dalam salah sebuah tangki besi yang diubah suai.

"Soal siasat terhadap lelaki berusia 30-an yang memandu Pajero itu juga mendapati dia tidak mempunyai sebarang dokumen kebenaran untuk mem-



MOHAMAD AMIR ABDULLAH (kanan) menunjukkan bahagian tempat duduk penumpang sebuah kenderaan 4x4 yang diubah suai dengan meletakkan tangki bahan api tambahan di Bukit Kayu Hitam, Kedah semalam.

beli dan menyimpan barang kawalan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Mohamad Amir, sindiket terbabit dipercayai menggunakan modus operandi dengan mengisi diesel di beberapa buah stesen minyak sebelum masuk ke negara jiran untuk menjualnya.

"Kami percaya kenderaan itu juga diubah suai di Thailand dengan kos kira-kira RM5,000 kerana ketika ditahan dahulu kita sudah membuang kesemua tangki terbabit dan mungkin pemiliknya memasang semula," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar berasingan, KPDNHEP Kedah memaklumkan berjaya merampas sebanyak 267 tong gas petroleum cecair atau LPG

di sebuah rumah yang dijadikan stor penyimpanan di Pokok Sena kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa-sanya, Omar Ismail memberitahu pihaknya turut menahan seorang lelaki berusia 55 tahun untuk membantu siasatan kerana gagal mengemukakan dokumen penyimpanan barang kawalan berjadual.

"Kami turut menahan dua buah lori di lokasi sama yang masing-masing membawa 89 unit dan 98 unit LPG berkapasiti 12 dan 14 kilogram," ujarnya.

Tambah Omar, jumlah keseluruhan termasuk rampasan dua buah lori itu mencecah RM53,272. Kes disiasat di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekaian 1974.